

Rangka 'Gerak kerja' wanita UMNO sedang disusun-Aishah

BUKIT MERTAJAM 5 Feb. — Pergerakan Wanita UMNO sedang menyusun satu rangka 'gerak kerja' sebagai panduan kepada seluruh pergerakan wanita dalam usaha untuk memperkemas lagi aktiviti masing-masing.

Rangka gerak kerja itu akan meliputi dalam lapangan, pelajaran, perniagaan, ekonomi, pertanian dan lain-lain.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO tersebut, Senator Aishah Ghani dan juga sebagai Menteri Kabinet Am berkata: "Apabila siap panduan gerak kerja itu pihak Pergerakan Wanita UMNO akan menghantar kesemua pergerakan-pergerakan wanita dari peringkat cawangan, bahagian dan negeri."

Bahagian dalam sebarang rancangan berpandukan gerak kerja itu.

Beliau kemudiannya menyeru kepada seluruh ahli-ahli Pergerakan Wanita Negeri NO Peringkat Negeri ini supaya bersatu padu dan mengutamakan kedudukan masing-masing dalam menghadapi pilihan raya yang akan diadakan pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Tidak boleh naik di tengah jalan

KOTA BHARU 5 Feb. — Penumpang-penumpang yang telah menempah tiket untuk ke Kuala Lumpur dengan Bas Eksespres MARA, diingatkan supaya jangan menaiki bas itu di tengah jalan antara Kota Bharu hingga ke Melor.


Sebabnya: Perkhidmatan bas itu tidak lagi melalui Pasir Tumbuh dan Peringkat di Jalan Pasir Putih, tetapi akan melalui Jalan Kuala Kiri hingga Ketebeh dan membelok ke Pekan Melor.

Penyelia Perkhidmatan Bas Eksespres MARA Kawasan Pantai Timur, Enck Ali Yusoff memberitahu langkah ini diambil kerana Jambatan Pasir Tumbuh di Jalan Pasir Putih, kira-kira enam batu dari sini, ditutup kepada semua kenderaan berat lebih dari tiga tan mulai kelmarin.

Mesyuarat Belia Suria 8 Februari

KUALA TRENGGANU 5 Feb. — Mesyuarat Agung Perikumpulan Perempuan Cawangan Teluk Lipat di sini baru-baru ini telah memilih Hajjah Hafsa sebagai pengerusi jawatankuasa perikumpulan perempuan cawangan itu dan Hajjah Abdul Rahman sebagai naibnya.

Mesyuarat juga memilih Robiah Muhamad Nur sebagai setiausaha, Cik Nuriah Abdul Karim sebagai bendahari di samping 15 orang jawatankuasa lain.



Enck Aziz Osman

AKAN DIRASMI 1 MAC DEPAN

PULAU PINANG 5 Feb. — Bangunan Akid MAEA di Ayer Hitam di sini (gambar bawah) yang telah ditangguhkan pembukaannya baru-baru ini akan dibuka pada 1hb. Mac depan.

Menurut Pegawai MARA Negeri Enck Mazni bin Haji Ibrahim, pembukaan bangunan tersebut dijangka pada 1hb. Jan yang lalu, tetapi terpaksa ditangguhkan kerana menunggu kelulusan pihak Majlis Daerah Luar Bandar.

Akuan

Bagaimanapun nkatanya pihak Majlis Daerah Luar Bandar telah membuat pengakuan akan memeriksa bangunan tersebut bulan ini.

Bangunan itu telah dibina setinggi dua tingkat dan mengandungi 18 buah pintu kedai, 14 daripadanya sudah dipenuhi oleh peniaga-peniaga manakala empat pintu lagi masih kosong.

Selaraskan semua aspek pembangunan Tempatkan belia di tiap lembaga tanah negeri 2 - Ali

KERAJAAN diminta menempatkan anggota belia dalam sebarang organisasi atau lembaga tanah di tiap-tiap negeri pada masa depan.

Permintaan tersebut dibuat oleh Majlis Perundingan Belia Negara dalam persidangannya kali kedua di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Setiausaha Kerajaan di sini kemarin.

Ketika mengemukakan ini, Pengerusi Majlis Perundingan tersebut merangkap Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Datuk Ali Haji Ahmad dalam satu sidang akhbar di rumah rihat di sini berkata, langkah itu sebagai usaha menyelaraskan perkembangan kemajuan di semua aspek pembangunan.

Anggota

Menurutnya, sebelum ini tidak terdapat seorang anggota belia di dalam mana jawatankuasa atau lembaga tanah di semua negeri.

Oleh kerana keadaan tersebut menyebabkan kebanyakan tempat projek rancangan tanah belia di negara ini tidak berjalan mengikut saluran yang sama, tegasnya.

Syor

Katanya, semua syor-syor kertas kerja mengenai rancangan tanah tersebut diterima oleh pihak Majlis Perundingan Belia Negara.

Majlis tersebut akan bertanggungjawab mengemukakan kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan tindakan lanjut mengenai hal tersebut.

Menteri itu juga mengumumkan, Majlis Perundingan Belia Negara akan mempunyai 4 orang anggota dalam Jawatankuasa Kebangsaan Rancangan Tanah Belia.

Mereka itu akan terdiri dari Naib Pengerusi Majlis Belia Johor, Enck Abdul Rahman Mahmud,

\$116 RIBU UNTUK BERBAGAI PROJEK DI DAERAH DUNGUN

KUALA DUNGUN 5 Feb. — Kerajaan Trengganu telah meluluskan peruntukan wang lebih \$116,000 bagi daerah Dungen untuk menjalankan berbagai projek termasuk membina jalanraya, titian, wakaf dan sebagainya tahun ini.

Anggota Exco kerajaan, Enck Omar Shukri bin Embong hari ini memberitahu Utusan Malaysia sejumlah besar dari peruntukan tersebut akan ditumpukan kepada pembinaan jalanraya-jalanraya dan juga jalan-jalan kampung.

Beliau memberitahu, sejumlah \$80 ribu akan ditumpukan kepada pembinaan 9 buah titian berharga \$3,500 iaitu 2 di Palar Sorak, 1 di Pancar Jerangan, 4 di Mukim

Kakitangan Jabatan Penerangan bersara

TELUK ANSON 5 Feb. — Enck Mohd. Hassan bin Mohd. Salleh 55 tahun, kakitangan di Jabatan Penerangan Daerah Hilir Perak di sini telah bersara dari jawatannya mulai 31 Disember yang lalu setelah berkhidmat selama 25 tahun.

Enck Mohd Hassan

RISDA akan buka 37 ribu ekar rancangan tanaman baru berkelompok

KUALA LIPIS 5 Feb. — RISDA akan membuka seluas 37,000 ekar di bawah rancangan tanaman baru berkelompok (TBB) di Negeri Pahang tidak lama lagi.

Dari jumlah ini, seluas 10,000 ekar di Ulu Jelai Daerah Lipis, 5,000 ekar di Temerloh dan seluas 22,000 ekar lagi di kawasan Pahang Tenggara.

Pegawai RISDA Pahang Barat, Enck Abdul Rahman Musa ketika berucap dalam kempen penerangan di balairaya Padang Tengku di sini baru-baru ini menyatakan, peluang-peluang bagi menyertai rancangan itu dibuka kepada ahli-ahli persatuan pekebun-pekebun kecil yang akan diberikan secara sah.

Beliau menerangkan, pekebun-pekebun kecil yang hendak memohon bagi menyertai rancangan tersebut mestilah mempunyai kebun tua tidak lebih dari lima ekar.

Menurutnya lagi, pihak RISDA akan memajukan sendiri rancangan tersebut bagi peringkat permulaannya dan akan menyerahkan tanaman baru berkelompok untuk dikendalikan oleh persatuan pekebun-pekebun kecil bila persatuan itu telah maju serta mempunyai kedudukan kewangan yang terjamin.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, kerja-kerja bagi memulakan rancangan tanaman baru berkelompok itu hanya dapat dijalankan setelah semua hasil kajian-kajian dalam kawasan tersebut dikeluarkan.

Persatuan peladang untung lebih \$12 ribu

NIBUNG TEBAL 5 Feb. — Persatuan Peladang Rangkaian Bahagia Seberang Prai Selatan telah mendapat keuntungan sebanyak \$12,974.47 pada tahun lalu.

Pengerusi lembaga pengarah persatuan itu, Enck Ahmad Salleh memberitahu keuntungan tersebut diperolehi dari jualan baja, benih koko, pala, nenas, biji kopi dan lain-lain lagi.

Katanya rancangan-rancangan itu akan diteruskan lagi dalam tahun ini dengan menambahkan beberapa rancangan baru yang dijangka akan mendapat keuntungan yang lebih dari tahun-tahun yang lalu.

Mesyuarat agung

GEMAS 5 Feb. — Persatuan Ibaduan dan Guru-guru Sekolah Kebangsaan FELDA Pasir Besar akan mengadakan mesyuarat agungnya pada 23 Februari ini untuk membubarkan persatuan ini.

Pembubaran ini terpaksa dibuat atas arahan dari Kementerian Pelajaran mengenai kaedah persatuan ibaduan dan guru yang telah diluluskan oleh Parlimen tahun lalu.

PROJEK LATIHAN SAMBIL KERJA BELIA DIRANCANG

SABAK BERNAM 5 Feb. — Satu projek latihan sambil bekerja untuk para belia di daerah ini sedang dirangka dan dijangka akan dilancarkan bulan Mac depan.

Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah di sini, Enck Aziz Osman berkata sebagai peringkat permulaan seramai 20 orang belia-bellawalis akan dipilih untuk mengambil bahagian.

Katanya, belia-belia yang terpilih akan mengikuti berbagai bidang kerja kemahiran dengan ditempatkan di kedai-kedai dan syarikat-syarikat perusahaan tempatan.

"Projek latihan sambil bekerja ini merupakan satu usaha untuk menggalakan para belia meminati lapangan kemahiran dan perniagaan di samping mengatasi masalah pengangguran", katanya.

Projek ini, katanya, dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah dengan kerjasama badan-badan perniagaan dan perusahaan setempat.

Menurut Enck Aziz, latihan ini menitikberatkan kepada kerja-kerja kemahiran yang sesuai untuk berbagai keperluan di bidang perniagaan.


Katanya, belia-belia yang mengambil bahagian akan ditempatkan bekerja di bengkel-bengkel, di kedai-kedai dan perusahaan mengikut pilihan masing-masing di antaranya bengkel membaiki jentera-motor, service station, elektrik, kedai jahit, kerajinan rambut dan sebagainya.

Pihak kementerian berkenaan akan memberi mereka eluan bagi seorang sebanyak \$30 sebulan sebagai wang saku.

Hajjah Hafsa dipilih pengerusi

KUALA DUNGUN 5 Feb. — Mesyuarat Agung Perikumpulan Perempuan Cawangan Teluk Lipat di sini baru-baru ini telah memilih Hajjah Hafsa sebagai pengerusi jawatankuasa perikumpulan perempuan cawangan itu dan Hajjah Abdul Rahman sebagai naibnya.

Mesyuarat juga memilih Robiah Muhamad Nur sebagai setiausaha, Cik Nuriah Abdul Karim sebagai bendahari di samping 15 orang jawatankuasa lain.



Bas-bas persiaran ambil sewa dalam masa cuti

IPOH 5 Feb. — Persatuan Pemilik dan Pemandu Teksi Kinta mendakwa lebih 60 buah bas persiaran Thailand mengambil sewa di negeri ini dalam masa cuti Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Ketika mendedahkan hal tersebut, yang dipertua persatuan itu, Enck Ho Kam Sheng menafikan kejadian itu sebagai merampas penumpas-penumpang di samping mengganggu mata pencarian pemandu-pemandu teksi di negeri ini.

Menurutnya, kemasukan bas-bas persiaran itu dilakukan oleh golongan yang mementingkan diri untuk menghimpit tanpa bertanggungjawab atas kehidupan orang lain.

Enck Ho mengesahkan pihak kerajaan mengambil perhatian berat terhadap kejadian itu di samping menjalankan penyelidikan yang rapi atas kegiatan

Tambang teksi akan dinaikkan

GEMAS 5 Feb. — Persatuan pemandu kereta sewa di sini telah mengambil keputusan menaikkan tambang teksi antara 50 sen hingga \$1.00 baru-baru ini.

Katanya, akta sewa yang diuluskan oleh Kementerian Perhubungan dikenakan 25 sen bagi setiap bermetre dan 6 sen sebatu bagi teksi jalan jauh sangat tidak menguntungkan.

"Ini memandangkan keadaan inflasi yang timbul di negara ini semakin menghimpit penderiatan kaum tua punya dan pemandu teksi yang berpendapatan kecil," tambahnya.

Beliau berharap kerajaan akan mengkaji semula bayaran tambang yang sesuai demi menajaga keutuhan pendapatan kaum pemandu teksi di negeri ini.

Bas-bas persiaran ambil sewa dalam masa cuti

TELUK ANSON 5 Feb. — Pergerakan Wanita UMNO sedang menyusun satu rangka 'gerak kerja' sebagai panduan kepada seluruh pergerakan wanita dalam usaha untuk memperkemas lagi aktiviti masing-masing.

Rangka gerak kerja itu akan meliputi dalam lapangan, pelajaran, perniagaan, ekonomi, pertanian dan lain-lain.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO tersebut, Senator Aishah Ghani dan juga sebagai Menteri Kabinet Am berkata: "Apabila siap panduan gerak kerja itu pihak Pergerakan Wanita UMNO akan menghantar kesemua pergerakan-pergerakan wanita dari peringkat cawangan, bahagian dan negeri."

sudah terbit & sedang dijual! hadiah istimewa untuk anak-anak anda

Satu siri terbaru dalam "Kuntum Mekar" menghidangkan 4 buah buku bacaan dongeng tauladan dari 4 buah negara jiran tetangga,

- Burung Bermata Satu (sebuah dongeng rakyat Indonesia)
- Nuri Bijaksana (sebuah dongeng rakyat Pakistan)
- Puteri Gunung Ledang (sebuah dongeng rakyat Malaysia)
- Gajah Putih (sebuah dongeng rakyat Burma)

Ditulis oleh Chia Hearn Chek
Terjemahan oleh Malungun

mengandungi beraneka kisah-kisah sederhana tetapi menarik serta dapat memberi faedah dalam usaha membentuk budi pekerti anak-anak.

BUKU-BUKU INI JUGA TERDAPAT DALAM EDISI BAHASA INGGERIS.

Sensaskh cuma \$3.75 tambah pos 30¢
Dapatkan dari toko-toko buku terdekat atau pesan terus kepada:—

Bahagian Jualan Buku,
Utusan Melayu Malaysia Berhad
46N, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur 07-04.

Dicetak di atas kertas yang bermutu tinggi

Ditulis dengan lukisan moden berwarna-warni